

## **Bukti sains bagi kehidupan sosial dalam kuarantin COVID-19**

### **Ringkasan pembentangan Ahaluck Bhatiasevi di bengkel SARS-CoV-2 / COVID-19**

Penceritaan mengenai pandemik COVID-19 adalah meluas dan pelbagai, termasuk dari sudut penjagaan kesihatan, politik, ekonomi dan juga sosial. Naratif ini lancar, berubah dengan pesat seiring dengan perkembangan keadaan. Contohnya, ketika pemerintah komunis China melaksanakan penutupan (*lockdown*) ketat, pertama di Wuhan (sebuah bandar yang berjumlah 11 juta orang) dan kemudian di wilayah-wilayah yang lebih luas, tindakan itu menimbulkan keraguan oleh ramai pihak di luar China. Namun, apabila wabak ini merebak ke negara-negara lain, penutupan yang serupa sekarang telah dilaksanakan di luar China, termasuk di kebanyakan negara liberal dan republik.

Kita semua akan mengalami pandemik ini, namun pengalaman ini akan berbeza bergantung pada lokasi kita di dunia. Pada tahap makro, pengalaman kita akan bergantung pada kualiti hubungan kita dengan kerajaan kita; kebolehcapaian dengan sistem kesihatan; dan kebolehan dalam mendapatkan keperluan asas harian seperti makanan dan air.

Pada peringkat mikro, pengalaman kita akan masing-masing bergantung pada hubungan kita dengan keluarga serta sahabat dan keadaan tempat tinggal kita. Bagi beberapa keluarga, hubungan mungkin menjadi lebih erat akibat dari penutupan, manakala bagi keluarga yang lain, hubungan mungkin terjejas. Perasaan risau serta takut akan masa depan yang tidak tentu akan mempengaruhi kehidupan sehari-hari kita.

Penutupan atau kuarantin tidak boleh menjadi penyelesaian jangka panjang untuk suatu wabak, mengambil kira kesan tindakan ini pada ekonomi dan sosiologi. Kajian terhadap 129 orang yang dikuarantin selama 10 hari selama wabak SARS di Kanada menunjukkan bahawa 28.9% kemudiannya mengalami gejala gangguan tekanan perasaan akibat trauma (*post-traumatic stress disorder*), sementara 31.2% mengalami gejala kemurungan [1]. Di samping itu, terdapat bukti sejarah yang menunjukkan kesan yang buruk terhadap populasi minoriti yang dikuarantin. Oleh itu, tempoh kuarantin haruslah sesingkat yang mungkin.

Penutupan atau kuarantin bukanlah penyelesaian, ia hanya membekalkan masa untuk bersiap sedia menghadapi wabak tersebut. Ia tidak pernah terlambat untuk mempertimbangkan kesan sosiologi yang lebih meluas akibat dari penutupan dan kuarantin, dari segi positif maupun negatif di pelbagai kawasan serta kumpulan sosial yang mengalaminya.